

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.11.2015**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah langkah untuk meminta syarikat-syarikat GLC membawa pulang dana yang dilaburkan di luar negara untuk menyokong ringgit sebagai satu langkah yang bijak untuk tempoh jangka panjang dan pendek.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani kesan daripada persekitaran luar yang semakin mencabar, pada bulan Disember 2014, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menggesa syarikat-syarikat GLC untuk memberi keutamaan kepada pelaburan domestik serta menangguhkan pembelian aset di luar negara. Langkah ini diambil berikutan kejatuhan harga komoditi yang mendadak, penyusutan nilai ringgit dan pengurangan lebihan akaun semasa serta pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan ekonomi membangun.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga minyak mentah pada bulan Disember 2014 adalah USD62.16 setong berbanding paras yang tinggi USD109.68 setong iaitu pada bulan Mei 2014, manakala nilai matawang ringgit berbanding dolar pula berada pada paras RM3.4803. Dengan mengambil kira senario tersebut, Kerajaan berpandangan bahawa pelaburan domestik wajar dipertingkatkan untuk terus menjana dan menyokong aktiviti ekonomi negara, di samping dapat menjimatkan aliran keluar pelaburan asing. Sehubungan itu, Kerajaan telah menggesa syarikat milik dan berkaitan Kerajaan serta badan berkanun dan syarikat

subsidiarinya untuk memberi keutamaan kepada pelaburan domestik bagi mengurangkan aliran keluar dana dan pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Syarikat-syarikat GLC di bawah program Transformasi GLC (G20) telah merancang untuk membawa pulang aset semasa kira-kira RM627 juta dalam tempoh separuh kedua tahun 2015.

4. Walau bagaimanapun, langkah Kerajaan ini adalah bersifat sementara bagi memberi tumpuan untuk memperteguh ketahanan ekonomi negara.

Apabila keadaan lebih stabil, syarikat tempatan perlu melabur semula di luar negeri bagi meningkatkan margin keuntungan serta memperluaskan pasaran dan meneroka sumber pertumbuhan baharu. Justeru, Kerajaan sentiasa prihatin dan akan mengambil langkah sewajarnya bagi terus menyokong ekonomi dan kewangan negara dengan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.